



# SIARAN MEDIA

## Media Release

---

### INDEKS HARGA PENGGUNA

Consumer Price Index

(Jan 2010=100)

**SEPTEMBER 2014**

**September 2014**



**SIARAN MEDIA  
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP), SEPTEMBER 2014**

---

1. Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan September 2014 menurun 0.1 peratus berbanding Ogos 2014.
2. Penurunan sebanyak 0.6 peratus telah dicatatkan bagi Rekreasi dan Kebudayaan disebabkan oleh penurunan harga bagi peralatan audio-visual dan bunyi-bunyian, komputer dan aksesori komputer, peralatan rakaman media, suratkhobar, majalah dan bahan bacaan lain serta pakej percutian dan umrah. Kesihatan menurun 2.6 peratus disebabkan oleh harga yang rendah bagi penyediaan perubatan dan ubat berpaten. Pakaian dan Kasut juga menurun sebanyak 0.6 peratus berikutan penurunan harga bagi beberapa pakaian dan baju terpilih serta upah jahitan dan cucian untuk pakaian.
3. Sementara itu, peningkatan sebanyak 0.3 peratus telah dicatatkan bagi Makanan dan Minuman Ringan disebabkan oleh harga yang tinggi bagi daging (kurang dari 0.05 peratus), ikan dan makanan laut (0.4 peratus), susu, produk tenusu dan telur (0.5 peratus), sayur-sayuran (3.1 peratus), gula, jem, madu, coklat dan konfeksi (kurang dari 0.05 peratus), kopi, teh dan koko (0.2 peratus), dan air mineral dan minuman ringan, jus buah-buahan dan sayuran (0.1 peratus).

4. IHP bagi September 2014 menurun 0.4 peratus berbanding September 2013 yang mana sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan indeks Rekreasi dan Kebudayaan; Pengangkutan; dan Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah.
  
5. IHP ini adalah petunjuk bagi mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa tertentu. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berasaskan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan September 2014 boleh didapati melalui laman web JPKE: [www.depd.gov.bn](http://www.depd.gov.bn).



**MEDIA RELEASE  
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT  
PRIME MINISTER'S OFFICE**

**CONSUMER PRICE INDEX (CPI), SEPTEMBER 2014**

---

1. *The Consumer Price Index (CPI) for September 2014 decreased by 0.1 per cent over August 2014.*
2. *A decrease of 0.6 per cent was recorded in Recreation and Culture due to lower cost of audio-visual and sound equipment, computers and computer accessories, recording media, newspaper, magazines and periodicals as well as package holidays/pilgrimages. Health decreased by 2.6 per cent due to lower prices of medicinal preparations and patent medicines. Clothing and Footwear also decreased by 0.6 per cent following of lower prices of several selected garments as well as tailoring charges and cleaning of clothing.*
3. *On the other hand, an increase of 0.3 per cent was recorded in Food and Non-Alcoholic Beverages due to higher prices of meat (less than 0.05 per cent), fish and seafood (0.4 per cent), milk, dairy products and eggs (0.5 per cent), vegetables (3.1 per cent), sugar, jam, honey, chocolate and confectionery (less than 0.05 per cent), coffee, tea and cocoa (0.2 per cent) as well as mineral waters, soft drinks, fruit and vegetable juices (0.1 per cent).*
4. *CPI for September 2014 decreased by 0.4 per cent compared to September 2013, largely due to lower indices of Recreation and Culture; Transport; and Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance.*

5. *CPI is a measure of price changes of goods and services paid by the consumer in a specified period. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey. The CPI full report for September 2014 is available from JPKE's website: [www.depd.gov.bn](http://www.depd.gov.bn).*